


Mangsa kereta lunyai boleh adu KPDNHEP

KERETA LUNYAI RM200,000

> Harganya mencecah lebih RM200,000 kerana tanggapan kenderaan import terpakai atau 'recond' terutamanya MPV dari Jepun pasti dalam keadaan 'tip top' sebelum dibawa masuk ke negara ini. Namun ia ternyata meleset apabila ada antaranya pernah mengalami kemalangan teruk dan bernilai rendah sebelum dibaik pulih, lapor Mohd Azam Shah Yaacob dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor

> 12&13

Gred
tersembunyi
kenderaan import
terpakai



Laporan muka depan HM kelmarin.

Mohd Azam Shah Yaacob dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor
am@hmetro.com.my

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedia menyiasat aduan pengguna yang tertipu dengan pembelian kereta import terpakai atau recond terutama dari Jepun di negara ini.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, siasatan boleh dijalankan berdasarkan apa yang mempengaruhi individu berkenaan untuk membeli kenderaan terbabit.

"Sebagai contoh pengedar kenderaan mengiklankan kenderaan mereka tidak pernah terbabit kemalangan atau tidak mengubah meter perbatuan (mileage).

"Namun selepas diperiksa didapati kereta yang dibeli berkenaan pernah terbabit dalam kemalangan dan iklan itu dianggap menipu pelanggan," katanya ketika ditemui, hari ini.

Iskandar berkata, pengguna yang merasa terpedaya dengan pengedar kereta import terpakai boleh membuat aduan kepada KPDNHEP untuk siasatan diteruskan.

"Iklan yang tidak tepat dan mengelirukan itu adalah penyataan palsu dan KPDNHEP boleh mengambil tindakan mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 dan Seksyen 16 akta yang sama.

"Selain itu siasatan juga boleh dibuka mengikut Seksyen 17 Akta Perihal Dagangan 2011 dan Seksyen 18 akta yang sama," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga akan bekerjasama dengan ejen di Jepun jika ada keperluan dalam siasatan penipuan kenderaan berkenaan.

.. "Penipuan sebegini bukan hanya boleh berlaku terhadap kenderaan tapi produk lain juga," katanya.

Kelmarin laporan eksklusif Harian Metro mendedahkan penipuan kereta import terpakai terutama kenderaan pelbagai guna (MPV) dari Jepun dikesan pernah kemalangan sebelum dibaiki pulih dan dijual seperti harga kenderaan baharu di negara ini.

Kebanyakan kereta yang mengalami kemalangan ini dilelong dalam satu majlis lelongan di Jepun dan dibida pada harga kurang 1.5 juta Yen atau RM57,000 sebelum dijual di negara ini hingga mencecah lebih RM210,000.

Penipuan dalam industri penjualan kenderaan import terpakai itu didedahkan pengurus jualan sebuah syarikat pengedar kenderaan recond dari Jepun, Shahrul Nizam, 40-an.

Shahrul yang lebih 20 tahun berpengalaman dalam industri itu dilaporkan berkata, bagi kenderaan gred 4.5 dan 5 model sama, ia lazimnya dijual pada harga sekitar RM220,000 di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, ramai pelanggan tertipu kerana menyangka kenderaan recond yang dibeli dalam keadaan baik seperti dinyatakan penjual tanpa menyedari mereka terbeli kenderaan gred R selain gred 1 hingga 4 atau lebih teruk kenderaan gred X yang mengalami kemalangan serius.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 1 Jun 2019 @ 3:26 PM

